

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]
SOALAN :**

YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan Zon Larangan Merokok di kawasan R&R yang dilaksanakan mampu mengurangkan bilangan perokok di Malaysia dan adakah pihak Kementerian bercadang akan menyediakan bilik khas merokok bagi mengawal keadaan sekeliling serta tindakan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Zon larangan merokok di Rawat dan Rehat (R&R) adalah salah satu usaha untuk mewujudkan budaya tidak merokok di Malaysia dengan menghadkan tempat-tempat merokok sehingga aktiviti merokok tidak dilakukan secara bebas di kawasan bangunan yang dikenalpasti sebagai tempat tidak boleh merokok di R&R. Selain itu, kawasan tidak boleh merokok ini akan melindungi golongan bukan perokok yang merupakan golongan majoriti, daripada kesan asap rokok sekunder. Namun, masih wujud lagi perokok tegar yang merokok di R&R dan pihak konsesi lebuhraya boleh menyediakan tempat atau ruang merokok di luar kawasan yang diwartakan di dalam kawasan R&R.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

SOALAN :-

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah puncanya yang dikatakan hampir 60 % kakitangan awam yang bergaji RM 3,000 dan ke bawah tidak mampu memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan 60% penjawat awam bergaji kurang RM3,000 dan ke bawah tidak mampu memiliki rumah sendiri adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak ada kenyataan rasmi mengenai perkara ini dikeluarkan oleh pihak berkaitan bagi mengesahkannya.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 April 2013. Tujuan skim ini dilancarkan adalah untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk memiliki rumah sendiri terutamanya di kawasan bandar.

Rumah PPA1M ini dijual kepada penjawat awam dengan harga RM90,000 ke RM300,000 dan *build up* adalah dari 850 kaki persegi ke 1500 kaki

persegi. Di bandar-bandar utama lain di mana terdapat keperluan, perancangan untuk membina Rumah PPA1M sedang giat dijalankan.

Sebanyak 162,804 rumah telah siap dibina pada tahun 2013 untuk Program 1 Juta Rumah. Manakala yang sedang dalam perancangan sehingga 31 Mac 2014 ialah sebanyak 1,153 unit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014